

Arkib Negara berkongsi maklumat

B.H. 8.1.2008 MS 8

Bahan di ANM didik masyarakat fahami perkembangan, kemajuan negara



Ketua Pengarah Arkib Negara, Sidek Jamil

Oleh Hasliza Hassan

TAHNAH kepada Arkib Negara Malaysia (ANM) yang menyambut ulang tahun ke-50, usia dengan kemerdekaan Malaysia. Apakah pencapaian dan sumbangan ANM sejak ditubuhkan.

Sebenarnya arkib bermula sejak zaman penjajah lagi dan peraturan ketika itu, satu salinan semua bahan penerbitan dihantar ke Muzium British. Itu sebab di Perpustakaan British masih ada banyak buku, majalah lama milik kita tersimpan kerana pegawai British dengan taat menghantar bahan itu. ANM ditubuhkan pada 1 Disember 1957 dan awal penubuhannya, fungsi ANM terhad kepada mengumpul dokumen kerajaan, memuliharanya dan kemudian memberi kemudahan kepada orang ramai membuat rujukan. Sedikit demi sedikit fungsi ANM kini berubah, sesuai dengan usianya yang kian matang. Sekarang, kita bukan saja mengumpul, malah berkongsi dengan masyarakat apa yang kita ada kerana bahan sudah banyak, maklumat yang ada terus bertambah. Oleh itu, sewajarnya ia dikongsi dengan masyarakat di luar sana. Mereka perlu datang untuk memanfaatkan apa kita ada.

Keseluruhan bahan yang ada di ANM adalah ilmu dan maklumat penting yang menjadi ilmu. Ia adalah satu tamadun. Jika kita lihat negara maju, mereka mempunyai dokumentasi lengkap di situ menunjukkan kemajuannya. Sebab itu pentingnya ANM, sebagai pusat menyimpan segala bahan bernilai yang mencerminkan aktiviti sama ada politik, sosial atau ekonomi sesuatu

dunia kerana tidak ada bukti menunjukkan bapanya pernah berkhidmat sebagai anggota polis. Jabatan tempat bapa beliau berkhidmat pun tidak mempunyai sebarang rekod mengenai bapanya. Berdasarkan maklumat yang diberi si anak, bapanya pernah menjadi johan pertandingan menembak mewakili jabatannya. Daripada maklumat itu kita cuba cari menerusi laporan tahunan jabatan dan benar, bapanya tiga tahun berturut-turut menjadi johan menembak dan namanya dicatat dalam laporan tahunan. Berdasarkan laporan itu, terbukti bapa beliau pernah berkhidmat untuk negara dan akhirnya, ibu beliau menerima pencen. Sebenarnya, banyak lagi yang ada di ANM ini dan kerana itu kita mengajak orang ramai berkunjung ke sini. Jika dilihat, ANM menyimpan untuk negara, tetapi fungsinya adalah lebih daripada menyimpan, memelihara dan menjadi rujukan kepada isu membabitkan negara saja.

Mungkin boleh dijelaskan dengan lebih mendalam fungsi ANM sebagai pusat sumber dan penyelidikan negara.

ANM boleh menghasilkan buku atau bahan penulisan berdasarkan bahan yang kita ada atau membuat pameran, tetapi itu usaha ANM sendiri. Apa yang lebih penting sekarang ialah masyarakat menggunakan bahan yang kita ada untuk faedah bersama. ANM tidak boleh buat semua seorang diri dan kerana itu kita mengajuk orang ramai datang, gunakan perkhidmatan yang kita sediakan. Kita sambut dengan tangan terbuka dan sedia memberi bantuan diperlukan. Contohnya, sekolah hendak buat pameran, datang kepada kita, ANM akan bantu dari segi penyediaan bahan. Begitu juga pihak swasta, dengan syarat mereka ada menghantar bahan kepada kita terlebih dulu seperti laporan tahunan. Maka, apabila pihak swasta hendak membuat rujukan atau pameran, kita boleh sediakan bahan untuk mereka. Agensi kerajaan, memang diwajibkan menyerahkan semua rekod kepada ANM kerana

dengan cara itu kita ada satu kumpulan maklumat yang lengkap mengenai negara. Pada pandangan saya, rugi jika 30 jenis bahan yang ada tidak digunakan bagi faedah bersama. Antaranya fail sepanjang 12,985 meter panjang, penerbitan (914.16 meter panjang), peta (6,337 keping), pelan (4,975 keping), filem (7,445 gelung) dan banyak lagi slaid, mikrofilem, surat perjanjian, pita rakaman, rekod sekolah, gambar dan lain-lain lagi. Datang ke ANM, macam-macam ada.

Ke belakang ini banyak usaha dilakukan ANM untuk memberitahu kewujudannya seperti menganjurkan pameran, menyertai program Jom Heboh anjuran TV3, selain penyiaran artikel di akhbar. Adakah ini usaha penjenamaan semula supaya ANM lebih dikenali atau kerana tidak ramai yang tahu mengenai ANM.

Selepas 50 tahun, kita perlu muhasabah diri. Kita akui apa yang sudah dibuat, tidak buat atau ada tertinggal. Penjenamaan semula antara perkara yang perlu kerana penting bagi kita melihat adakah peranan kita selari dengan misi dan visi ditetapkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Caranya, tengok apakah yang kita buat selama ini berjaya atau tidak. Jika gagal, kita perlu akui dan belajar daripada kesilapan. Saya cabar pegawai ANM, adakah yang kita buat ini yang terbaik? Adakah mesej sampai atau mungkin ada, tetapi bagaimana kesannya. Contohnya, surat untuk Ketua Pengarah ANM yang tertera nama saya, dihantar ke pejabat ANM alamatnya di Putrajaya. Maknanya masih ada orang tidak tahu di mana letaknya ANM. Jadi, mungkin kita tidak berjaya memberitahu orang ramai di mana kita berada. Ini timbulkan satu persoalan. Oleh itu, jangan sensitif. Jika orang kata ANM tidak buat apa, kita boleh bantah apa sudah kita buat. Cuma, mungkin mesej kita masih tidak sampai. Justeru, kita laksanakan pembaharuan, termasuk membuat pameran di Karnival Jom Heboh. Kesannya, kita dapati 20,000 hingga 30,000

pengunjung datang ke pameran ANM. Bagaimanapun, kita tidak pasti sama ada mereka membaca bahan dipamerkan itu, kita anjurkan kuiz. Jika penyertaan yang kita terima antara 5,000 hingga 6,000, maknanya jumlah itu benar-benar membaca bahan pameran kita kerana jawapan untuk soalan kuiz berdasarkan bahan pameran. Ini yang kita lakukan dan banyak lagi program bakal dianjurkan bukan saja untuk memperkenalkan ANM, malah memastikan kita dapat berkongsi apa yang kita ada dengan orang ramai.

Apakah cabaran masa depan ANM serta usaha mengatasinya.


Kumpulan berilmu bertambah ramai dan masyarakat semakin cerdik. Pastinya harapan mereka terhadap ANM juga lebih tinggi. Oleh itu, kita mesti berada di depan, lebih cerdik daripada orang ramai. Perlu fikir apa yang hendak kita beri kepada pelanggan. Begitu juga dalam melahirkan modal insan. Sebelum ini, apabila kita hendak mendapatkan bahan di luar negara, kita akan dapatkan bantuan daripada pihak sana. Pada masa akan datang, kita mahu tugas itu dipikul ANM sendiri. Maknanya, kita ada pegawai memiliki kemahiran bercakap bahasa asing, selain bahasa Inggeris. Sekarang ANM bekerjasama dengan universiti yang ada pensyarah boleh bertutur bahasa negara yang kita hendak pergi untuk dapatkan dokumen. Begitu juga dalam bidang teknologi maklumat, kita akan pertingkatkan supaya kekuatan ANM terus diperkukuh untuk kepentingan masyarakat dan negara. Saya juga memberitahu semua kakitangan ANM, kita perlu tukar cara pemikiran kerana kita tidak boleh buat semua kerja. Kita akan jalinkan perjanjian pintar dengan pelbagai pihak untuk bersama berkongsi maklumat serta perkhidmatan ditawarkan di ANM. Orang ANM tidak boleh bersifat kedekut. Perlu bersikap pemurah untuk bagi bahan, tetapi tentulah mengikut syaratnya. Yang penting kita berkongsi, jangan simpan.

Sempena 2008 ini, ke mana hala tuju

negara. Sebenarnya banyak yang sudah kita lakukan dan kita capai, terutama dalam menyediakan bahan diperlukan. Contohnya, kes membabitkan Pulau Batu Putih, ANM sudah membuat penyelidikan sejak 1980 lagi dan berjaya mengumpul 1,000 dokumen. ANM juga membantu dalam kes Pulau Sipadan. Hakikatnya banyak yang kita sumbangkan memenuhi fungsi sebagai pusat menyimpan, memelihara dan memberi perkhidmatan rujukan bukan saja kepada kerajaan, malah orang ramai.

? Bagaimana ANM signifikan kepada orang ramai, selain menjadi tempat rujukan atau untuk mendapatkan bahan bagi penyelidikan.

Pernah anak seorang anggota polis memberitahu saya, ibunya tidak mendapat pencen selepas bapanya meninggal



“ Jika dilihat, Arkib Negara Malaysia menyimpan untuk negara, tetapi fungsinya lebih daripada menyimpan, memelihara dan menjadi rujukan kepada isu babitkan negara saja ”

Sidek Jamil
Ketua Pengarah Arkib Negara

• ANM dan apakah harapan masa akan datang.

Kehadiran ANM tidak lagi relevan jika tidak menyumbang kepada orang ramai. Justeru, ANM akan memastikan harapan serta kepentingan penubuhannya diterjemahkan dalam semua kegiatan yang sudah kita rancangkan supaya berjaya mencapai matlamatnya. Saya beri masa lima tahun untuk ANM cemerlang. Pada masa sama, saya berharap masyarakat turut mengambil iktibar daripada penubuhan ANM serta fungsinya. Dalam erti kata lain, kita ingin menggalakkan individu, syarikat, pertubuhan bukan kerajaan, Jawatankuasa Kampung (JKK), persatuan taman perumahan, jawatankuasa masjid supaya mula menubuhkan arkib sendiri. Sekurang-kurangnya apabila kita tidak ada nanti, anak cucu atau cicit masih tahu sejarah kita.